



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

SCHOOL OF COMPUTING

SEMESTER 1 2020/2021

UHMS11822 PENGHAYATAN ETIKA DAN

PERADABAN

TUGASAN KUMPULAN

TAJUK : ISU – ISU INTEGRITI DI MALAYSIA

NAMA DAN NO MATRIK :

1. NUR AFIKAH BINTI MOHD HAYAZI (A20EC0220)
2. IMAN AIDI ELHAM BIN HAIRUL NIZAM (A20EC5006)
3. ADAM HAQIEM BIN ABD. RAHIM (A20EC002)
4. MUHAMMAD RIZDWAN BIN ROSLAN (A20EC0097)
5. MUHAMMAD AMIN HAIQAL BIN ROSLEE (A20EC0207)

KANDUNGAN JADUAL

1 PENGENALAN.....	3
1.1 Objektif Kajian	4
2 KAJIAN LEPAS	5
2.1 Konsep Integriti	5
2.2 Senario	7
2.2.1 Kemerosotan Integriti	7
2.2.2 Rasuah.....	9
2.2.3 Salah gunakuasa dan Salahlaku	10
3 METODOLOGI.....	11
3.1 Reka Bentuk Kajian	11
3.2 Instrumen Kajian.....	12
3.2.1 Soal Selidik	12
3.3 Cara Pengumpulan Maklumat	13
3.3.1 Dokumentasi	13
3.3.2 Soal Selidik	13
3.4 Cara Analisis Data	14
4 PENCARIAN.....	15
5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN	21
6 RUJUKAN	24

1 PENGENALAN

Integriti adalah satu amalan yang bersikap jujur serta menunjukkan kepatuhan kita sebagai manusia yang konsisten tanpa kompromi terhadap nilai moral serta etika. Dalam sudut etika, integriti dianggap sebagai kejujuran, kebenaran atau ketepatan tindakan seseorang. Integriti ini juga bertentangan dengan konsep kemunafikan bahawa dinilai dengan standard integriti melibatkan konsistensi dalaman sifat murni dan menyarankan kepada pihak – pihak memiliki nilai nilai yang bertentangan dalam diri mereka harus dipertimbangkan perbezaan atau mengubah kepercayaan mereka.

Di Malaysia, kita terdapat Pelan Intergriti Nasional (PIN) dimana pengertian PIN ini mengamalkan “ kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu”. Hal ini ia berlandaskan etika dan pencerminan etika dalam tindakan harian kita sebagai manusia. Ironinya, apa pentingnya intergriti ini di dalam kehidupan masyarakat adalah nilai integriti ini membawa kesejahteraan dimana berlakunya hubungan signifikan yang positif dengan kesejahteraan individu, komuniti dan organisasi. Walau bagaimanapun, jika integriti tidak dibendung pada masa yang awal, ia menyumbangkan kejatuhan nilai moral dan kerosakan sesuatu profesi pekerjaan. Oleh itu, masalah integriti ini perlu kita risaukan terutamanya di negara Malaysia sendiri mempunyai masalah integriti dalam masyarakat antaranya gejala sosial dadah, bunuh diri, rogol, pembunuhan, penderaan anak, kes juvenil dan skandal seks dan lain-lain.

1.1 Objektif Kajian

- Untuk memahami konsep integriti
- Untuk mengetahui isu-isu integriti di Malaysia
- Untuk mengetahui etika terhadap isu integriti ini
- Untuk mengetahui masyarakat di Malaysia ini peka dengan masalah ini
- Untuk mengetahui langkah yang perlu dilakukan untuk membendung masalah integriti

2 KAJIAN LEPAS

2.1 Konsep Integriti

Integriti telah menjadi satu konsep yang sering digunakan dalam pelbagai bidang termasuk dalam sektor pendidikan, pemerintahan atau dalam mana-mana jenis organisasi. Integriti amat penting dalam kehidupan seseorang kerana ia melambangkan kualiti yang terdapat dalam diri sendiri. Dengan menanamkan sifat integriti dalam diri, ia dapat mewujudkan jurang perbezaan antara dua individu kerana berlainan kualiti diri. Seseorang yang mempunyai nilai integriti yang tinggi dapat melambangkan mereka sebagai seorang yang jujur, berpegang pada janji dan boleh dipercayai oleh komuniti. Oleh yang demikian, integriti boleh diklasifikasikan sebagai satu konsep yang kompleks yang mengandungi nilai-nilai moral tradisional terutamanya menegakkan dan bercakap benar, jujur dan adil serta dengan prinsip-prinsip peribadi yang mungkin bertentangan dengan standard tersebut.

Sebagai contoh, nilai integriti sebagai seorang ahli politik adalah dengan menepati segala manifesto yang telah dijanjikan, bersikap adil terhadap musuh, tidak akan mengambil bahagian dalam perjanjian yang tidak jelas, mengambil atau menerima rasuah, penipu dan sebagainya. Sikap berintegriti ini tidak hanya tertakluk kepada individu semata mata tetapi sikap ini melibatkan segenap lapisan masyarakat tanpa mengira umur, pangkat dan latar belakang. Terdapat beberapa aspek yang berkaitan dengan konsep berintegriti. Antaranya ialah kejujuran.

Hal ini bermaksud mengatakan yang sebenarnya, bersikap terbuka, tidak mendapat sebarang keuntungan daripada orang lain dan tidak memerlukan sebarang bentuk perkongsian yang tidak perlu. Mereka yang mempunyai tahap kejujuran yang tinggi akan sentiasa bercakap benar walaupun terpaksa berhadapan dengan kenyataan yang tidak menyenangkan. Selain itu, kehormatan. Sehingga ke hari ini, kita telah menyaksikan pelbagai tingkah laku yang tidak peka dan tidak bertanggungjawab dalam pelbagai situasi. Sifat hormat dapat diterapkan dengan rasa yang lebih luas tentang apa yang terjadi dan memberi peluang kepada pihak lain untuk menyatakan masalah atau minat mereka. Antaranya dengan mengajukan soalan dengan sopan dan memberi peluang kepada orang lain untuk mengeluarkan idea atau buah fikiran mereka. Seterusnya, menzahirkan kepercayaan. Kepercayaan akan terzahir apabila seseorang mula mununjukkan kebolehpercayaan dan komitmen mereka hal ini kerana tindakan yang ditujukkan oleh seseorang adalah lebih berfungsi daripada kata-kata yang dilontarkan oleh mereka.

Oleh yang demikian, sifat berintegriti ini amatlah penting dan ia perlu diberi didikan dan pendedahan awal ketika mereka masih lagi kanak-kanak. Hal ini kerana pada usia mereka, minda mereka ibarat span kerana mudah untuk menerima segala input untuk diterapkan dalam diri. Oleh itu, pihak kerajaan telah menjalankan satu kempen Integriti pada tahun 2016 bagi memberikan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat akan kepentingan hidup berintegriti dalam kehidupan.

2.2 Senario

2.2.1 Kemerosotan Integriti

Secara umumnya, kemerosotan integriti sesebuah negara akan mendatangkan impak yang begitu besar terhadap sosio-ekonomi, budaya dan politik. Kejatuhan integriti ini akan memberikan kesan kepada dasar pembangunan yang akan mengakibatkan keputusan untuk pelaburan serta pembangunan lebih dipengaruhi oleh keuntungan peribadi pihak tertentu daripada kepentingan masyarakat setempat. Sepertimana yang kita sedia maklum sistem kehakiman negara adalah antara cabang daripada pentadbiran negara. Walaubagaimanapun, kemerosotan integriti ini telah menyebabkan institusi yang signifikan ini sering dijadikan bahan jenaka masyarakat yang terus memandang enteng terhadap tugas dan peranan yang diamanahkan dalam menangani gejala rasuah mahupun penyalahgunaan kuasa. Oleh itu, imej dan kredibiliti badan kehakiman tercemar dengan beberapa keputusan yang sering kali dikatakan pilih kasih dan akan menyebelahi tokoh dan orang mempunyai kepentingan dalam bidang politik.

Selain daripada itu, dalam pemerintahan kerajaan Malaysia yang menggunakan sistem dua parti, kegagalan dalam mentadbir negara secara efektif akan mengakibatkan pihak yang memerintah mengalami kemerosotan sokongan dalam kalangan rakyat. Pihak pembangkang akan menggunakan isu rasuah dan integriti ini sebagai topik perbincangan di parlimen bagi menampakkan kelemahan sektor pentadbiran pihak kerajaan yang memerintah.

Sepertimana yang kita sedia maklum, di peringkat antarabangsa terdapat beberapa kayu ukur asas bagi kelakuan rasuah ini, antaranya ialah Corruption Perceptions Indeks (CPI). Pengukuran indeks ini yang diuruskan oleh Transparency International (TI) menjadi petunjuk asas bagi mengukur indeks rasuah di peringkat negara. Kedudukan indeks rasuah yang tinggi boleh mengakibatkan pentadbiran sesebuah negara terjejas seterusnya secara tidak langsung, kejatuhan indeks rasuah di sesebuah negara akan menyebabkan kemerosotan pembangunan ekonomi. Hal ini demikian kerana dalam hubungan ekonomi antarabangsa, kebanyakan daripada pelabur-pelabur akan menyuntik modal di negara yang mempunyai kemantapan integriti dalam usaha menaikkan struktur ekonomi sesebuah negara.

Isu rasuah dalam tumpuk kepimpinan kerajaan yang dilaporkan oleh media massa secara meluas boleh mengakibatkan pandangan dan persepsi negatif terhadap pentadbiran kerajaan. Bilamana terdapat pemimpin atau tokoh politik atau ketua jabatan kerajaan dibawa ke mahkamah atas pertuduhan rasuah dan kenyataan berulang-ulang tokoh tertentu mengenai laporan atau maklumat rasuah seperti politik wang atau rasuah politik menyebabkan masyarakat memandang serong terhadap pegawai kerajaan. Oleh hal yang demikian media asing terus melabelkan pentadbiran kerajaan Malaysia mengalami kemerosotan integriti. Maka oleh sebab itu, hal ini membuatkan laporan yang berunsur negatif terhadap Malaysia oleh media barat semakin lama semakin meningkat. Kecanggihan sistem komunikasi pada masa kini juga membolehkan berita dan maklumat berkaitan dengan gejala rasuah boleh tersebar dengan pantas dan menjadi topik perdebatan secara meluas.

Perlaksanaan dan kejayaan agenda integriti nasional sewajarnya dilaksanakan dengan sehabis baik oleh setiap sektor dan anggota masyarakat. Terdapat punca-punca yang menjadi asbab kepada kemerosotan integriti antaranya seperti kelemahan individu, tampuk kepimpinan yang tidak kuat, sistem dan prosedur operasi yang tidak begitu jelas, budaya tidak mementingkan integriti dan struktur badan institusi yang kurang jelas.

2.2.2 Rasuah

Berdasarkan artikel “Rasuah dalam kalangan penjawat awam makin serius berbanding 10 tahun dulu – SPRM”, rasuah di kalangan penjawat aman di Malaysia dilihat lebih serius berbanding 10 tahun lepas. Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Datuk Azam Baki berkata berteraskan statistik Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat SPRM, sepanjang tahun 2016 sehingga Februari 2017 sahaja sebanyak 665 Kertas Siasatan telah dibuka melibatkan penjawat awam di Malaysia.

Pada tahun 2020, bilangan tangkapan kes jenayah rasuah di Malaysia oleh SPRM meningkat sebanyak 23 peratus berbanding tahun 2018[2]. Jenayah rasuah kebanyakannya dilakukan oleh lelaki yang mewakili 82.9 peratus berbanding wanita berdasarkan Laporan Statistik Jenayah Malaysia 2020[2]. Seterusnya, Bekas Perdana Menteri Malaysia Najib Razak didapati bersalah dalam kes “penggelapan wang” dan dia dibicarakan di bawah siasatan rasuah 1MDB. Beliau telah didakwa kerana telah menggelapkan 42 juta ringgit Malaysia.

Sejak 2015, Seramai 411 orang dari sektor awam, swasta serta orang awam di Kota Kinabalu telah ditangkap kerana melakukan kesalahan rasuah sejak 2015 sehingga 2019[3]. 287 kertas siasatan dibuka ke atas penjawat awam bagi menyiasat aduan kesalahan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan sejak 2016 hingga September 2020[4]. Kajian yang dijalankan SPRM juga mendapati sebanyak 22.1 peratus responden penjawat awam mengakui sanggup menerima rasuah[5]

2.2.3 Salah gunakuasa dan Salahlaku

Polis Diraja Malaysia(PDRM) adalah agensi penguatkuasaan yang didapati agensi menerima aduan salah laku tertinggi. Antara aduan salah laku yang dilaporkan adalah tidak mengikut prosedur operasi standard, peras ugut, tidak melakukan siasatan, dan gangguan seksual. Sepanjang 2011 sehingga 2018, 1919 aduan salah laku dilaporkan melibatkan PDRM. Polis menyumbang sekitar 75 peratus daripada jumlah aduan mengenai salah laku ini[6].

Pada tahun 2017, jumlah aduan berkenaan salah laku di Selangor yang diterima oleh Bahagian Integriti di Pejabat SUK serta PBT ialah 98 aduan[7]. Berdasarkan Utusan Malaysia, pada 18 April 2018, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) melaporkan sebanyak 544 aduan salah laku pelbagai agensi diterima pihaknya sejak 2017. 440 aduan melibatkan PDRM[8]. Berdasarkan Berita Harian, seramai 46 anggota polis di negeri itu ditamatkan perkhidmatan selepas terbabit dalam pelbagai jenayah dan salah laku sepanjang tahun 2020[9]. JIPS Johor turut membuka sebanyak 230 kertas siasatan tatatertib membabitkan 32 pegawai

kanan, 246 pegawai rendah dengan dua pegawai awam serta 154 kes salah lalu dan 45 berkaitan dadah[9].

Sebanyak 176 kertas siasatan dibuka membabitkan kes salah laku anggota dan pegawai polis serta kakitangan awam Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kedah sejak Januari 2020 hingga November 2020 berdasarkan Utusan Malaysia[10]. Daripada jumlah itu, sebanyak 82 kes telah selesai termasuk dikenakan Tindakan tata tertib. Selain ada yang diklasifikasikan sebagai Tiada Tindakan Lanjut (NFA) sebab tiada bukti kukuh[10].

3 METODOLOGI

Metodologi ialah analisis teori dan sistematik cara yang digunakan untuk suatu kajian. Metodologi menghuraikan kaedah sesuatu masalah yang dikaji dan sebab sesuatu cara dan teknik ditentukan. Kajian ini bertujuan mengenal pasti isu-isu integriti di Malaysia dan pelbagai kaedah yang digunakan dalam mengkaji tajuk ini.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah tinjauan. Kajian tinjauan dilakukan berdasarkan rujukan mengenai perkara-perkara yang persampelan , pengukuran dan analisis data. Kajian memfokuskan isu-isu integriti di Malaysia. Pemilihan sampel untuk kajian ini dilakukan secara rawak mudah yang melibatkan 24 pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Bilangan sampel ini bersesuaian dengan kajian kuantitatif yang memerlukan bilangan sampel yang besar untuk mewakili populasi yang dikaji.

3.2 Instrumen Kajian

Instrumen kajian diperlukan untuk mendalami konsep berkaitan sikap, persepsi, keterangan latar belakang dan segala info berkaitan yang berbentuk primer atau sekunder. Dalam kajian ini, instrumen yang digunakan untuk mendapatkan data adalah dengan menggunakan borang soal selidik.

3.2.1 Soal Selidik

Borang soal selidik telah disediakan berdasarkan sejauh mana responden mengetahui tentang isu-isu integriti dari segi maksud, komponen dan nilai sesuatu integriti. Borang soal selidik ini juga disediakan untuk menentukan tahap penglibatan responden dalam isu integriti dan langkah pencegahan mereka untuk membendung masalah ini. Borang soal selidik ini berbentuk tertutup dan mengandungi enam soalan. Soalan pertama dan kedua mengenal pasti adakah responden tahu tentang maksud dan komponen isu-isu integriti ini. Soalan ketiga dan keempat mengenal pasti adakah responden pernah terlibat dengan isu integriti dan pengetahuan responden tentang rasuah manakala soalan kelima dan keenam bertanyakan tentang cara membendung isu integriti dan kepentingan nilai integriti. Soalan pertama, ketiga dan keempat menggunakan skala Guttman manakala soalan kedua, kelima dan keenam menggunakan jawapan beraneka pilihan.

3.3 Cara Pengumpulan Maklumat

Data dan informasi ini untuk kajian ini dikumpul melalui pelbagai cara seperti dokumentasi dan soal selidik.

3.3.1 Dokumentasi

Kajian dimulakan dengan penyelidikan terhadap bahan bertulis yang sudah diterbitkan atau dicetak seperti penulisan jurnal, tesis, akhbar harian dan data daripada internet. Hal ini adalah untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang isu-isu integriti di Malaysia.

3.3.2 Soal Selidik

Borang soal selidik ini diedarkan kepada 24 orang responden secara atas talian melalui media sosial Whatsapp dan Telegram. Responden diberikan masa untuk memenuhi ruang jawapan semua soalan dalam borang soal selidik tersebut. Setelah masa yang diberikan telah tamat, borang soal selidik itu akan dianalisis dapatannya bagi setiap item atau soalan yang diberikan. Analisis itu dikira dalam bentuk peratusan berdasarkan kekerapan setiap pilihan jawapan. Setelah itu, dapatan daripada analisis ini akan dibincangkan dan dirumuskan kesimpulan kajian ini.

3.4 Cara Analisis Data


Kaedah analisis data ialah kaedah statistik deskriptif. Dengan mengambil kira kekerapan dan peratusan, data yang dikumpul akan dipindahkan kepada bentuk jadual, carta pai dan graf bar. Walaupun kaedah ini digunakan untuk menganalisis data yang berbentuk skala likert tetapi jawapan yang ditetapkan dan beraneka pilihan ini masih lagi mengekalkan kecekapan kaedah digunakan. Selepas itu, jawapan yang disediakan itu digunakan untuk penerangan kepada jadual, carta pai atau graf bar itu tadi.

4 PENCARIAN

Berdasarkan responden soal isu integriti di Goggle Form sebanyak 24 orang, masyarakat Malaysia didapati tidak semua pernah mengetahui soal isu integriti asalnya mereka hidup di dalam kehidupan mereka sendiri tanpa melihat isu – isu integriti yang telah melibatkan komuniti di Malaysia. Boleh dikatakan, tidak semua masyarakat terdedah kepada isu-isu semasa disebabkan tiada telefon pintar buat keluarga atau masyarakat yang kurang berkemampuan ataupun di kampung. Masyarakat kini kurang membaca malah terlalu ikutkan kemajuan teknologi yang pesat ini. Sesungguhnya, integriti adalah suatu pembawaan, dan perangai untuk melakukan perkara yang benar bersandarkan nilai dan prinsip moral dan etika tanpa mengira akibat.


Ironinya, hal integriti perlu dipupuk melalui sosialisasi budaya kerana perangai yang baik dapat dipengaruhi dengan baik oleh keluarga, individu dan masyarakat. Sebagai wanita sangatlah berperanan dari pelbagai sudut, kerana wanita sebagai ibu yang seharusnya mendidik anak untuk sentiasa melakukan perkara yang baik dan benar. kepada anak supaya mereka akan membesar dengan penuh kejujuran. Merujuk carta di bawah menunjukkan jumlah peratus bilangan masyarakat Malaysia yang terdedah kepada definisi dan senario integriti tersebut.

Adakah anda tahu apa maksud integriti?




Setelah mengumpul semua maklumat, terdapat bilangan sebanyak 90.9% masyarakat yang tidak pernah terlibat dengan isu integriti. Isu integriti ini terdiri daripada gejala rasuah, gengsterisme , membunuh , meniru, menipu , vandalisme , seks bebas, pecah amanah dan lain - lain. Pengetahuan masyarakat tentang isu integriti amat tepat apabila mereka dapat membezakan perkara yang baik dan buruk seperti carta di bawah menunjukkan sama ada pecah amanah atau membeli belah adalah isu integriti. Oleh itu, boleh dikatakan masyarakat kita lulus tentang pengetahuan masyarakat kita mengenai isu integriti. Hal ini demikian, kebiasaanya integriti ini berlaku apabila kita terlalu hilang arah atau terdesak memerlukan bantuan. Contohnya rasuah, apabila seseorang itu mempunyai dugaan yang mencabar dalam kehidupannya akan ada seseorang yang cuba mengambil kesempatan untuk menjatuhkan kehidupannya atas sebab dengki dan ingin mendesakknya supaya bersama- sama membantunya untuk mencapai apa yang si- dengki itu mahukan.

Pernahkah anda terlibat dalam isu integriti?




Komponen Isu integriti



■ Pecah Amanah, Gejala Sosial ■ Membeli Belah, Menderma , Melepak

Adakah menerima rasuah itu dianggap sebagai isu integriti?




■ Ya ■ Tidak

KUALA LUMPUR : Pada abad 21 ini, gejala rasuah menjadi suatu pandemik yang sangat serius dalam kalangan penjawat awam. Menurut kata dari Presiden Persatuan Pemeriksaan Penipuan Bertauliah Di Malaysia, Datuk Seri Akhbar Satar mengatakan bahawa tahap perlakuan mengambil rasuah yang semakin meningkat dalam beberapa tahun kebelakangan ini melihat menjadi satu kebudayaan di negara Malaysia ini. Boleh dikatakan di Malaysia, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur terdapat 30,000 pendatang asing tanpa izin yang dibenarkan masuk ke negara ini dengan terlalu mudah. Seterusnya, aktiviti pelacuran yang sebilangan orang pelacur dibawa masuk ke negara ini memberi rasuah kepada pegawai. Ia memberi kesan buruk dan merosakkan imej negara.


Baru-baru ini juga Malaysia tergempar dengan isu Macau Scam, alangkah terlalu sebak apabila pegawai Malaysia sendiri terlibat dan membantu sindiket tersebut. Hal ini, sindiket ini bukan berlaku satu pihak sahaja, pastinya ada antara orang luar dengan orang dalam. Secara psikologi, jenayah rasuah ini menunjukkan sebagai peluang, tekanan, dan kemampuan. Pemikiran manusia ini ibarat membandingkan kehidupan orang lain dengan kehidupannya sendiri. Ia seperti jika pihak atasan boleh melakukannya, mengapa individu tersebut tidak dapat melakukan perbuatan sama. Dari segi keupayaan, kepada individu mempunyai peluang tetapi tiada keilmuan dan kepakaran untuk melakukan rasuah maka tidak akan terjadi rasuah. Secara kesimpulan, semakin tinggi jawatan seseorang itu semakin banyak rasuah yang dapat dilakukan.

Bagaimana masyarakat membendung isu integriti?



- Membuang sampah merata-rata
- Jangan merosakkan harta awam
- Tidak memberi lampu isyarat
- Sikap membuli orang

Apa pentingnya nilai integriti?



- Kesetiaan tidak dapat dicapai
- Masalah gejala sosial berleluasa
- Meningkatkan kualiti hidup
- Tidak capai target negara yang dikehendaki

Dalam usaha memerangi masalah rasuah, semua lapisan masyarakat perlu menyedari dan membudayakan integriti setiap masa dan dimana sahaja.Golongan ibu bapa diseru agar jangan abaikan peranan mereka di rumah dalam menunjukkan sikap dan nilai murni yang boleh dicontohi anak-anak.Selain itu, guru-guru pula disaran menyelit nilai-nilai integriti dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah.Pemimpin masyarakat dan ahli politik juga mempunyai saham yang paling tinggi untuk membentuk integriti kerana mereka ibarat menjadi suri teladan kepada generasi masa kini.Perkara yang baik ini akan berkait dan secara langsung memberi kesan baik buat semua masyarakat.Kita tidak perlu melihat masalah ini dari suatu aspek sahaja, kita perlu bersama-sama memainkan peranan kerana ini berkait antara masyarakat satu sama lain dan perlu dilihat secara menyeluruh agar mencapai matlamat serta citra Malaysia dilihat baik dan indah oleh negara luar.Kita perlu ekosistem yang telus dan berintegriti untuk menyokong semua usaha yang kita lakukan.

5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Jika kita kepada perspektif individu, kelemahan seseorang individu merupakan antara masalah signifikan yang perlu diselesaikan. Aspek kelemahan individu sangat mempengaruhi nilai yang terdapat dalam diri seseorang. Sebenarnya pihak pemerintah memainkan peranan penting untuk meningkatkan kesedaran seseorang agar menjauhkan diri daripada membuat kelakuan-kelakuan yang berunsur negatif dan terkutuk. Kelemahan individu secara umum mungkin lahir daripada kurangnya penghayatan terhadap nilai-nilai murni semasa sedang melakukan tugas dan kerja, sikap tamak haloba serta mementingkan diri sendiri. Di samping itu, faktor persekitaran juga akan mempengaruhi nilai-nilai negatif. Contoh yang kita boleh lihat adalah tekanan hidup mengakibatkan seseorang mudah terjebak dengan gejala yang tidak bermoral. Antara langkah yang boleh diambil ialah memperkenalkan program penghayatan nilai-nilai mulia. Pengenalan program seperti Program Penerapan Nilai-nilai Islam amat penting untuk diterapkan ke dalam jiwa setiap individu sebagai langkah untuk mendidik mereka supaya bebas dari gejala rasuah dan penyelewengan.

Jika kita lihat dari segi kepimpinan pula, tahap kepimpinan yang lemah juga boleh membawa kepada perlakuan rasuah. Kepimpinan yang kurang berteladan dan lemah iltizam boleh mempengaruhi pekerja yang berada di bawah terdorong untuk melakukan rasuah. Kelemahan dari segi sistem dan prosedur juga boleh mendorong kepada terjadinya kemerosotan integriti. Perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh beberapa punca seperti kurangnya penguatkuasaan serta pemantauan yang berterusan serta mungkin juga disebabkan oleh kekurangan dalam keupayaan sumber manusia. Oleh yang demikian, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia sewajarnya meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam perlaksanaan fungsi-fungsi suruhanjaya seterusnya dapat memastikan visi strategi SPRM tercapai iaitu strategi penguatkuasaan, strategi penggalakan dan pencegahan serta strategi pengukuhan.

Akhir sekali, aspek budaya juga dikenalpasti sebagai penyumbang kepada kemerosotan integriti. Ianya terjadi apabila masyarakat kurang menitikberatkan integriti dan beranggapan bahawa integriti hanyalah isu remeh yang tidak memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Sikap tidak ambil peduli dan enggan membuat laporan terhadap isu rasuah juga mendorong berlakunya rasuah secara perlahan-lahan yang akhirnya menjadi gejala atau penyakit yang agak serius. Struktur dan institusi yang tidak kemas dan kurang fokus terhadap isu integriti juga dikenalpasti sebagai faktor terakhir kemerosotan integriti. Pertindihan tanggungjawab dan

kurangnya koordinasi antara agensi-agensi yang terlibat dalam pemantapan integriti menyebabkan wujudnya pertentangan nilai yang menjurus ke arah perbezaan nilai. Jadi di sini kerajaan boleh mengambil inisiatif dalam meningkatkan etika dan integriti dalam sektor awam dengan mewujudkan Biro Pengaduan Awam. Biro ini dapat memainkan peranan penting sebagai tempat yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk melaporkan serta membuat aduan tentang aktiviti rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

6 RUJUKAN

1. AZYYATI AHMAD (2017, March 8). Rasuah dalam kalangan penjawat awam makin serius berbanding 10 tahun dulu - SPRM. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rasuah-dalam-kalangan-penjawat-awam-makin-serius-berbanding-10-tahun-dulu-sprm-134775>
2. MUHAMMAD AMNAN HIBRAHIM. (2020, November 20). Tangkapan kes rasuah meningkat 23 peratus tahun lepas. Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/111141/BERITA/Nasional/Tangkapan-kes-rasuah-meningkat-23-peratus-tahun-lepas>
3. 411 individu rasuah ditangkap di Sabah sejak 2015. (2019, December 9). Retrieved from <https://www.sinarharian.com.my/article/61191/EDISI/Sabah-Sarawak/411-individu-rasuah-ditangkap-di-Sabah-sejak-2015>
4. Isabelle Leong. (2020, November 30). Gejala rasuah penjawat awam di Malaysia kini satu pandemik - Akhbar Satar. Retrieved from <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/gejala-rasuah-penjawat-awam-di-malaysia-kini-satu-pandemik-akhbar-satar-270850>
5. Khairul Azran Hussin. (2019, August 19). Separuh kes rasuah babitkan kakitangan awam dan golongan muda. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/597624/separuh-kes-rasuah-babitkan-kakitangan-awam-dan-golongan-muda>

6. Agensi paling banyak diadukan ialah polis. (2018, August 12). Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/08/367192/agensi-paling-banyak-diadukan-ialah-polis-metrotv>
7. Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Tahun 2017. (2017). Retrieved from <http://dewan.selangor.gov.my/question/kes-berkaitan-integriti/>
8. Utusan. (2018, April 18). 545 aduan salah laku pegawai penguat kuasa. Retrieved from https://www.imi.gov.my/portal2017/images/keratan_akhbar/2018/4_Apr/19042018/um_19042018.jpg
9. Ilah Hafiz Aziz. (2020, December 18). Anggota, pegawai polis terbabit salah laku, jenayah akan dibuang. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/12/766332/anggota-pegawai-polis-terbabit-salah-laku-jenayah-akan-dibuang>
10. NORLIA RAMLI. (2020, December 16). 176 kes salah laku warga polis Kedah. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/berita/2020/12/176-kes-salah-laku-warga-polis-kedah/>
11. Integrity | Ethics: Vol 98, No 1. (2020). Retrieved January 18, 2021, from Ethics website: <https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/292912?journalCode=et>
12. (2021). Retrieved January 19, 2021, from Astroawani.com website: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kempen-integriti-perlu-penjenamaan-semula-114764>

13. Integrity | Ethics: Vol 98, No 1. (2020). Retrieved January 18, 2021, from Ethics website:

<https://www.journals.uchicago.edu/doi/abs/10.1086/292912?journalCode=et>

14. (2021). Retrieved January 19, 2021, from Astroawani.com website:

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kempen-integriti-perlu-penjenamaan-semula-114764>

15. Terap budaya integriti di rumah | Institut Integriti Malaysia. (2017). Integriti.My.

<http://integriti.my/2017/07/02/terap-budaya-integriti-di-rumah>

16. Prof Madya Dr Nurul Aini Muhammed. (2020, April 18). Kepentingan nilai integriti pada waktu mencabar. Berita Harian; Berita Harian.

<https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/678487/kepentingan-nilai-integriti-pada-waktu-mencabar>

17. Masyarakat harus peka isu integriti. (2020). Utusansarawak.com.My.

<https://www.utusansarawak.com.my/?p=18199>

